

Pengajaran adab & akhlak Islam dalam membangunkan modal insan

ASMAWATI SUHID

ABSTRACT

The development of human capital can bring progress and excellence to human civilization. Hence, human capital development apparently is the main agenda for many nations including Malaysia. It is acknowledged that education is the most important medium in realizing this agenda. The human capital developed, however, must have strong spiritual and moral values; and this can be achieved, through education, by integrating in the curriculum the physical, emotional, spiritual and intellectual development of individual pupils. For Muslim pupils in Malaysia, spiritual and moral values are taught through the subject of Islamic Education. However, this effort has to be implemented earnestly, and it needs full commitment from various parties. This paper will discuss the teaching of Islamic Adab and Akhlak (a component of Islamic Education) in enhancing human civilization. It will further examine issues and problems faced in transmitting the Islamic Adab and Akhlak component, and will put forward views as well as measures to overcome related issues and problems.




PENDAHULUAN

Apabila menyebut pembangunan modal insan atau human capital, secara amnya kita akan menggambarkan hasil sesuatu yang melibatkan manusia atau insan. Sesetengah pihak menyamakan modal insan dengan sumber manusia. Walau apapun, pembangunan modal insan bukanlah merupakan satu perkara yang baru malah ia sentiasa dan perlu secara berterusan diberi perhatian.

Human Capital in the 21st century is one that needs to be developed not just preserved. That means creating work environments where people can collaborate and learn effectively. When people are offered challenging and stimulating work, high performance and quality are the result.

(Gary Nelson 2002)






Pembangunan modal insan ini pula perlu dilihat dari seluruh aspek manusia meliputi jasmani dan rohani. Malah, konsep pembangunan modal insan yang diutarakan oleh YAB Perdana Menteri memperlihatkan satu agenda kerajaan dalam usaha meningkat dan memperkuatkhan jati diri rakyat dalam segenap lapangan hidup. Ia perlu dilihat sebagai suatu pembangunan insan yang bersifat menyeluruh bermula dari peringkat sebelum lahir dan pendidikan selepas lahir sehingga dewasa. Kesedaran masyarakat tentang peri pentingnya pembangunan modal insan memberi implikasi kepada usaha mempergiatkan lagi sistem pendidikan. Ini kerana, pendidikan merupakan alat terpenting untuk memperkembang dan membangunkan potensi manusia dan seterusnya menghasilkan modal insan yang memenuhi ciri-ciri nilai Islam dan meningkatkan peradaban ummah.

Pendidikan dari sudut Islam memperlihatkan suatu paradigma yang bersifat holistik, sepadu dan seimbang. Firman Allah s.w.t yang bermaksud: "Wahai orang-orang yang beriman, masuklah kamu ke dalam Islam keseluruhannya." (Surah al-Baqarah, ayat 208). Pendidikan Islam bersifat holistik atau menyeluruh kerana ia meliputi perkembangan manusia dari aspek jasmani, rohani, intelek dan emosi secara bersepadu yang mana potensi ini dapat digunakan untuk meningkatkan pelbagai aspek kehidupan manusia. Manakala seimbangnya pendidikan Islam kerana ia menekankan kemajuan dan kebahagiaan hidup manusia di dunia dan akhirat.

Oleh itu, bagi mencapai kejayaan sebenar pembangunan modal insan, fokus persepsi dan tindakan tidak seharusnya memberatkan kepada pembangunan jasmani sahaja malah pembangunan rohani dan akhlak seperti mana dituntut Islam. Dalam artikel ini, penulis akan mengupas kepentingan Pendidikan Islam dan pemupukan akhlak di kalangan para remaja yang merupakan pemangkin peradaban ummah dan seterusnya bakal memberi sumbangan kepada pembangunan modal insan dalam ertikata sebenarnya. Penulis juga turut menghalusi permasalahan yang timbul dalam usaha ini dan mencadangkan beberapa penyelesaiannya.

PENDIDIKAN & PENDIDIKAN AKHLAK

Sejarah telah membuktikan bahawa pendidikan berteraskan falsafah dan prinsip Islam berjaya membangunkan tamadun manusia umumnya dan tamadun Islam khususnya. Kemunculan zaman kecemerlangan ilmu dan pendidikan semasa pemerintahan Islam telah memperlihatkan betapa relevannya pendidikan Islam yang berteraskan ilmu wahyu dan disokong oleh ilmu aqal. Begitu juga, penekanan Islam kepada pendidikan secara bersepadu berjaya mencetus kecemerlangan peradaban dan membangunkan modal insan yang dinamik dan




benar-benar mantap dari segi ilmu, iman, akhlak dan amal (kemahiran). Para intelektual Islam yang lahir pada masa itu berjaya menguasai pelbagai kepakaran dalam bidang tertentu.

Apabila diteliti maksud pendidikan itu sendiri, sebenarnya ia tidak dapat dipisahkan daripada nilai-nilai akhlak dan moral. Justeru itu juga, berkaitan dengan faktor ini, dalam Islam, kalimah *ta'dib* merupakan antara istilah pendidikan yang digunakan, yang kata dasarnya *addaba* bermaksud mendidik dan mengajar adab atau akhlak. Sebagaimana dijelaskan oleh Asmawati Suhid (2005) bahawa Al-Ghazali juga menekankan maksud pendidikan ialah menanam perangai baik dalam diri kanak-kanak supaya mereka “dapat menilai antara yang benar dan yang salah”. Hal ini disokong pula oleh pandangan Syed Muhammad Naquib Al-Attas (1980) yang menegaskan bahawa pendidikan merupakan proses penerapan adab ke dalam diri seseorang. Tegasnya, menurut perspektif Islam, pendidikan memainkan peranan penting dalam melahirkan insan yang berakh�ak dan bermoral.

Realitinya, kepentingan pendidikan akhlak dan moral telah diakui oleh semua masyarakat sepanjang sejarah sejak zaman Greek. Sebagaimana yang dijelaskan bahawa pendidikan tidak boleh dipisahkan daripada pertimbangan nilai, malahan persekolahan itu sendiri merupakan pendidikan nilai. Justeru, sekolah dan pendidikan merupakan wadah yang boleh memainkan peranan dalam memupuk nilai akhlak mulia dan membangunkan modal insan yang berakh�ak. Ini kerana sekolah itu sendiri adalah sarat nilai atau *value laden* dan guru merupakan agen moral (Asmawati Suhid 2005). Begitu juga, mulai pertengahan 1960an terdapat satu kebangkitan semula minat terhadap peranan sekolah dalam mengasuh moral pelajar. Greenland & Robinson (1980), misalnya, menyatakan bahawa pendidikan akhlak dan moral telah muncul sebagai satu disiplin dalam pengajian pendidikan atau sekolah.

Di Malaysia, usaha memupuk dan mendidik nilai-nilai mulia telah berdekad-dekad dilaksanakan menerusi sistem pendidikan dengan cara yang pelbagai dan berubah-ubah. Pemupukan nilai-nilai mulia dilakukan secara langsung kepada pelajar-pelajar Islam dalam mata pelajaran Pendidikan Islam dan bagi pelajar bukan Islam mereka mengikuti mata pelajaran Pendidikan Moral. Namun, kemerosotan akhlak yang berleluasa kini amat membimbangkan banyak pihak. Masing-masing pihak menuding jari menyalahkan pihak yang lain. Keadaan ini perlu dicari jalan penyelesaian seberapa segera sekiranya kita berhasrat membangunkan modal insan yang berakh�ak dan meningkatkan peradaban ummah dengan berkesan.



KEPENTINGAN AGAMA DALAM PENDIDIKAN AKHLAK


Pendekatan Islam dalam pendidikan akhlak amat menekankan kepada penanaman aqidah atau rohani. Ini kerana, aqidah merupakan teras Islam yang utama. Kepentingan aqidah dalam Islam dapat dilihat menerusi nas-nas al-Quran dan Hadith yang banyak mengaitkan pembentukan akhlak dengan aqidah atau iman. Misalnya, “Orang mukmin yang paling sempurna imannya ialah yang paling baik akhlaknya” (Imam Ahmad, Juz 3, no. 7406) dan “Tidak sempurna iman seseorang itu sehingga dia mengasihi saudaranya sebagaimana dia mengasihi dirinya sendiri” (Sahih Bukhari, Jilid 1, Bil. 10). Dalam hal ini Tunku Sarah Tunku Mohd. Jiwa menyebutkan sebagaimana dijelaskan oleh Asmawati Suhid (2005), penerapan nilai akhlak bermula daripada intipati tauhid kepada Allah s.w.t demi melahirkan insan soleh dan berakhlak. Beliau membuat kesimpulan bahawa pengajaran nilai akhlak yang berkesan akan berlaku apabila dikaitkan dengan kepercayaan kepada Tuhan. Begitu juga, menurut Mohd. Kamal Hassan (1987) kuat atau lemahnya iman seseorang dapat diukur dan diketahui daripada perilaku akhlaknya. Iman yang kuat akan mewujudkan akhlak yang baik dan mulia, sedangkan iman yang lemah melahirkan akhlak yang buruk dan keji.

Dengan kata lain, agama merupakan asas dalam pembentukan akhlak manusia. Tanpa ikatan agama, suatu pendidikan akhlak itu tidak akan mantap dan kekal malah hanya bersifat sementara yang akhirnya membawa kepada kegagalan pendidikan akhlak. Tegasnya, pendidikan agama dipercayai berupaya mempengaruhi cara pemikiran anak-anak khususnya remaja dan seterusnya tingkah laku mereka. Oleh itu, orang yang berpendidikan agama lebih terarah untuk mengamalkan nilai akhlak Islam dan mengelakkan diri daripada perbuatan buruk (Asmawati Suhid 2005). Seperti yang dijelaskan oleh Sezali Din (1997), selain mempunyai ketahanan diri (mental dan fizikal) dan nilai atau harga diri, individu hendaklah memiliki pegangan agama yang kukuh dalam menghadapi cabaran hidup.

Kepentingan nilai agama dalam konteks masyarakat berbilang kaum seperti di Malaysia pula dijelaskan oleh Mahathir Mohamad (1999) seperti berikut:

Agama adalah masih relevan dalam masyarakat pelbagai agama seperti Malaysia. Tidak mengendahkan atau mengenepekannya adalah tidak bijak. Suatu masyarakat yang sepenuhnya sekular tidak boleh diwujudkan di Malaysia. Agama-agama rakyatnya mesti memainkan peranan mereka.

Manakala dalam usaha pembangunan modal insan, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menerusi perutusannya di Hari Kemerdekaan pada 30 Ogos 2005, mengingatkan supaya pembangunan modal insan yang dilakukan hendaklah diseimbangkan dengan kemantapan rohani setiap rakyatnya:



Untuk membangunkan modal insan, kita mahu memberi ilmu pengetahuan yang secukupnya, kita mahu mendidik mereka menjadi bangsa yang berpekerti mulia, yang mempunyai hemah yang tinggi, yang berjiwa besar, cintakan negara dan mereka mempunyai kekuatan jasmani dan kekuatan rohani.


Maka jelas di sini, peranan agama dan aspek rohani tidak boleh diabaikan sama sekali dalam apa jua bentuk pendidikan akhlak dan moral. Pendidikan akhlak yang berteraskan aqidah dan nilai agama adalah lebih sempurna dan menjamin melahirkan insan yang berkualiti sesuai dengan tujuan penciptaan manusia iaitu sebagai hamba dan khalifah Allah di muka bumi. Sebagaimana firman Allah s.w.t yang bermaksud “Tidak Akujadikan jin dan manusia itu kecuali untuk menyembahKu” (Surah az-Zaariyat, ayat 56).

Bagaimanapun, terdapat pelbagai fahaman yang menolak peranan agama dalam pendidikan nilai akhlak dan moral (Asmawati Suhid 2006). Misalnya, selain melemahkan pendidikan nilai agama, sekularisme meruntuhkan moral banyak manusia, dan akibatnya muncul pelbagai masalah dan gejala sosial yang kadang kalanya di luar dugaan orang yang rasional dan beriman. Menurut Sulaiman Nordin (1999), sekularisme merupakan kebudayaan Barat yang menular ke dalam alam fikiran dan budaya kebanyakan masyarakat kini. Ia mementingkan nilai yang tiada hubungan dengan alam rohani atau akhirat. Oleh itu, ia menghakis nilai moral atau akhlak umat manusia termasuk orang Islam. Ringkasnya, fahaman sekularisme adalah sangat asing dan bertentangan dengan cara hidup Islam yang bertunjangkan ‘aqidah kepada Allah s.w.t. Begitu juga dengan fahaman-fahaman lain yang muncul seperti Humanisme, Liberalisme dan Empirisisme.

PENGAJARAN ADAB & AKHLAK ISLAM DALAM MEMBANGUNKAN MODAL INSAN

Daripada perbincangan di atas, jelas bahawa ‘pendidikan’ tidak boleh dipisahkan daripada nilai akhlak dan moral. Di dalam Islam pula, agama itu adalah akhlak. Sebagaimana hadith Rasulullah s.a.w yang bermaksud: “Agama itu adalah nasihat” (Sahih Muslim, Jilid 1, Bil. 43); nasihat tentang yang betul dan yang salah. Justeru pendidikan akhlak merupakan komponen penting dan tidak boleh dipisahkan daripada kurikulum Pendidikan Islam secara khususnya dan pengajaran Islam umumnya.

Tentang pengajaran dan penerapan nilai murni atau akhlak dalam kurikulum Pendidikan Islam, pemupukan nilai akhlak ke dalam diri pelajar telah berlaku sejak bermulanya perkembangan Islam di negara ini. Dalam sistem pengajian pondok misalnya, yang merupakan pendidikan Islam awal, pelaksanaan




pendidikan akhlak juga berlaku. Hakikat ini dinyatakan oleh Ghazali Basri (1991) yang berpendapat bahawa pengajian pondok berpengaruh untuk melahirkan pelajar yang arif dalam hukum agama, mempunyai akhlak yang tinggi serta dapat membimbing masyarakatnya. Usaha murni ini diteruskan hingga KBSM diperkenalkan. Namun, perlu ditegaskan bahawa penerapan dan pendidikan akhlak dalam Pendidikan Islam adalah dengan berpegang dan berpandukan cara (*uslub*) dan etika dakwah daripada al-Quran serta contoh teladan (*uswah*) daripada Rasulullah s.a.w dan para sahabat. Para ulama' dan pendakwah bukan sahaja menyeru orang lain supaya bertaqwah kepada Allah dan berakhlek mulia bagi mencapai sifat muslim yang kamil tetapi juga menjadikan akhlak mulia sebagai amalan yang sebatи (istiqamah) dalam diri mereka (Abdullah Ishak 1995).

Pengenalan komponen Adab dan Akhlak Islam (AAI) dalam Pendidikan Islam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 2003 telah pun lengkap pelaksanaannya. Dari sudut strukturnya, pembentukan kandungan dalam komponen AAI berteraskan kepada empat aspek hubungan, iaitu hubungan dengan diri sendiri, individu lain, alam sekitar dan negara serta Rasul dan Pencipta. Daripada teras ini maka sebanyak enam bidang pembelajaran telah digariskan iaitu Adab dalam kehidupan sehari-hari, Adab dalam kehidupan bersosial, Adab dalam menuaikan ibadah, Adab terhadap ibu bapa dan keluarga, Adab menuntut ilmu dan Adab terhadap Allah dan Rasul. Bagi setiap bidang pembelajaran itu pula mempunyai 37 subbidang pembelajaran yang berkaitan sebagaimana ditunjukkan dalam jadual 1.

JADUAL 1: Kandungan komponen adab dan akhlak Islam


Bidang pembelajaran	Sub-bidang pembelajaran
Adab dalam kehidupan sehari-hari	Adab menjaga fitrah lelaki dan perempuan Adab berkawan Adab ketika musibah dan menerima nikmat Adab berjiran Adab menjaga diri dan maruah Adab berfikir Adab berhias diri Adab menjaga orang sakit Adab musafir Adab bernegara Adab dengan pemimpin Adab berjuang



Bidang pembelajaran	Sub-bidang pembelajaran
Adab dalam kehidupan bersosial	Adab terhadap muslim dan bukan muslim Adab menerima dan melayan tetamu Adab bekerja Adab bercakap dalam majlis Adab amar makruf dan nahi munkar Adab di tempat rekreasi Adab menjaga kemudahan awam Adab ziarah jenazah Adab menjaga alam Adab memberi dan menerima sedekah Adab berjual beli
Adab dalam menunaikan ibadah	Adab membaca al-Quran Adab di masjid atau surau Adab berdoa Adab beribadat
Adab terhadap ibu bapa dan keluarga	Adab dengan ibu bapa Adab bergaul dengan keluarga Adab berbakti kepada ibu bapa
Adab menuntut ilmu	Adab menjaga harta sekolah Adab berguru Adab menuntut ilmu Adab berpidato
Adab terhadap Allah dan Rasul	Adab zikrullah Adab menghormati Rasul s.a.w.

Matlamat yang hendak dicapai menerusi pengajaran Pendidikan Islam ialah: melahirkan pelajar yang mempunyai ciri-ciri berikut : mantap serta kukuh iman dan taqwa sebagai benteng ketahanan diri, menguasai ilmu fardu ‘ain dan fardu kifayah, sebagai pedoman dan amalan hidup, mengamalkan tuntutan fardu ‘ain dan fardu kifayah bagi memenuhi tanggungjawab ibadah dan berakhhlak mulia sebagai pelengkap diri dan tonggak budaya (Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSM 2002, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pendidikan Malaysia).






Berdasarkan ciri kandungan AAI dan matlamat Pendidikan Islam di atas jelas bahawa, selain mempelajari komponen lain dalam Pendidikan Islam adalah diharapkan pengajaran AAI dapat membentuk pelajar yang mampu mengharungi nilai-nilai luar menerusi iman dan taqwa yang mantap, sebagaimana dijelaskan “Adab dan akhlak juga akan dapat mengawal diri daripada gejala negatif” (Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSM 2002). Hanya dengan kekuatan iman dan taqwa yang mantap serta akhlak yang mulia, seseorang intelektual muslim dapat merealisasikan tanggungjawabnya sebagai ‘abid kepada Allah s.w.t dan memberi sumbangan kepada pembangunan dan kemajuan ummah, masyarakat dan negara. Seterusnya, penguasaan dan penghayatan ilmu fardu ‘ain dan fardu kifayah akan dapat membangunkan modal insan yang bermindakan kelas pertama seperti mana yang diharapkan.

PERMASALAHAN & CADANGAN

Menerusi perbincangan di atas, diharapkan ia sedikit sebanyak dapat memberi gambaran dan kefahaman tentang peri pentingnya kekuatan dan kemantapan rohani serta nilai-nilai akhlak Islam dalam melahirkan insan berilmu. Para remaja muslim yang merupakan harapan ummah perlu dipupuk dan dididik dengan akhlak mulia menerusi pendekatan Islam yang komprehensif dan efektif.

Namun, dalam usaha mencapai matlamat yang diharapkan pasti terdapat permasalahan dan cabaran yang perlu ditangani. Persoalan seperti “mengapakah masih ramai remaja muslim terlibat dalam keruntuhan akhlak walaupun mereka telah diberi pendedahan kepada ajaran Islam sejak di bangku sekolah rendah lagi” dan pertanyaan, “adakah pengajaran dan pendidikan Islam yang diberikan selama ini hanya berbentuk kognitif, iaitu untuk mencapai kecemerlangan dalam peperiksaan sahaja?” perlu diberi perhatian dan diteliti. Antara cadangan yang boleh diketengahkan di sini ialah, mengadakan suatu mekanisma yang berkesan untuk menilai akhlak remaja atau pelajar di sekolah. Ini bermakna, mereka bukan sahaja dinilai dari sudut kognitif, malah dinilai juga dari sudut amalan dan penghayatan. Aktiviti-aktiviti berbentuk penghayatan Islam perlu diperbanyakkan terutama di sekolah-sekolah harian dan pelajar diwajibkan untuk menyertainya. Suatu bentuk pengukuhan atau ganjaran boleh diberikan kepada mereka yang menunjukkan nilai akhlak dan sahsiah mulia. Peruntukan waktu atau masa bagi pengajaran AAI juga perlu diberi perhatian oleh pihak berwajib yang terlibat agar penyampaianya dapat dilakukan dengan baik dan berkesan. Ini kerana, sebagaimana yang ditetapkan, mata pelajaran Pendidikan Islam mengandungi tiga komponen utama iaitu, Tilawah al-Quran, Ulum Syariyah serta Adab dan Akhlak Islam. Ketiga-tiga komponen ini pula mempunyai pecahan masing-masing yang agak padat kandungannya.



Para guru khususnya guru Pendidikan Islam yang merupakan agen moral dan *role model* kepada para pelajar hendaklah mempamerkan nilai akhlak mulia dan memainkan peranan utama sebagai murabbi dan muaddib selain sebagai mu'allim dan mudarris. Sebagaimana yang diharapkan iaitu:

Kecemerlangan guru bergantung kepada keupayaan menghubung dan mempamerkan diri dalam mengamal adab di setiap ketika. (Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSM 2002).


Selain itu, sebagaimana yang telah dibincangkan di atas, faktor rohani atau aqidah dan iman hendaklah dikukuhkan dalam diri pelajar sebagaimana yang ditekankan oleh Islam. Maka perlu ditegaskan sekali lagi, apa jua bentuk pendidikan moral atau akhlak sekiranya tidak dikaitkan dengan faktor iman atau agama, tidak akan dapat menghasilkan amalan akhlak yang konsisten atau istiqamah dan berkesan. Lebih-lebih lagi dalam mengharungi era globalisasi yang penuh dengan cabaran ini. Kerana, hakikatnya, globalisasi juga merisaukan sesetengah pihak tentang kemerosotan nilai akhlak dan moral manusia serta sistem agama dalam cara hidup dan kebudayaan yang diamalkan (Asmawati Suhid 2005). Justeru, langkah dan strategi perlu diambil untuk memantapkan aqidah pelajar atau remaja.

Walau apapun pandangan dan cadangan yang diutarakan selain di atas, sokongan dan penglibatan yang sungguh-sungguh dan ikhlas dari pelbagai dan semua pihak amat diperlukan bagi menjayakan usaha murni ini. Amalan menudung jari kepada sesetengah pihak wajar dilakukan bahkan usaha bersama dan gandingan yang sepadu harus dilaksanakan. Usaha mengajak kepada yang ma'aruf dan mencegah yang mungkar juga hendaklah dijalankan secara sepadu agar peradaban ummah dapat dipertahankan dan modal insan yang luhur dan kamil dapat dilahirkan.

RUMUSAN

Dalam konteks dunia global yang kompetitif ini, menerusi pendekatan Islam yang dilakukan secara holistik dan efektif, diyakini bahawa hasrat untuk mempertingkatkan peradaban ummah dan membangunkan modal insan bermindakan kelas pertama dapat dilakukan. Sebagaimana yang dijanjikan oleh Allah s.w.t dalam firmanNya yang bermaksud: "Jikalau sekiranya penduduk suatu negeri itu beriman dan bertaqwa, pastilah Kami akan melimpahkan kepada mereka berkah dari langit dan bumi" (Surah al-A'raf, ayat 96). Amalan dan penghayatan nilai-nilai akhlak mulia serta kekuatan rohani di kalangan remaja khususnya pelajar perlu dipertingkatkan dan dipastikan keberkesanannya.


Sebagai rumusannya, sekiranya kita ingin merealisasikan agenda nasional yang diberi perhatian kini, maka pendidikan bersifat sepdu yang



berpaksikan tauhid dan berlandaskan falsafah serta nilai Islam perlu dipertingkatkan. Pendidikan akhlak yang berteraskan konsep Islam yang syumul juga perlu diketengahkan agar “litany of alarm” Arthur (2003) tidak akan berlaku dalam kalangan masyarakat Malaysia.

RUJUKAN

- Asmawati Suhid. Kerelevan pendidikan nilai dan agama dalam pembentukan masyarakat madani. *Jurnal Pendidikan Islam*, jilid 11, Bil.2, Mac 2005, hal. 69-82.
- Asmawati Suhid. Pemantapan Komponen akhlak dalam pendidikan Islam bagi menangani era globalisasi. *Jurnal Kemanusiaan*, Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia, Universiti Teknologi Malaysia, Bil.6, Disember 2005, hal. 95-103.
- Asmawati Suhid. Adab dan akhlak Islam dalam pendidikan Islam: Satu kajian kes di Selangor. *Jurnal CITU* (Centre for Islamic Thought & Understanding), UiTM. Jilid 2, No.1, Januari 2006, hal. 53-66.
- Abdullah Ishak. 1995. *Pendidikan Islam dan pengaruhnya di Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abd. Rahman Ahmad. 2006. *Pembangunan modal insan. Apa dan kenapa perlu dalam konteks organisasi di Malaysia*. Kuala Lumpur: Kee Weng Enterprise.
- Al-Imam Ahmad bin Hanbal. 1991. *Al-Musnad*. Juz. 3. Kaherah: Dar al-Fikr.
- Arthur, J. 2003. *Education with character: The moral economy of schooling*. London: Routledge.
- Ghazali Basri. 1991. Pendidikan Islam dalam sistem pendidikan kebangsaan: Satu analisis. *Jurnal Pendidikan Islam*, Jilid 4, Disember.
- Greenland, J. & Robinson. 1980. Problem of teaching moral values in a changing society. *International review of education*, XXVI, 2, 97-101.
- Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pendidikan Malaysia. 2001. *Huraian sukatan pelajaran pendidikan Islam KBSM*.
- Mahathir Mohamad. 1999. Ucapan yang disampaikan di The international conference on religious studies: Meeting the millennium in Kuala Lumpur, Malaysia, pada 30 Disember 1999.
- Mohd. Kamal Hasan. 1987. Peranan akhlak dalam pendidikan. *Jurnal Pendidikan Islam*. Bil. 8: 3
- Nelson, G. 2002. *Knowledge management*. Nelson Buchanan & Oostergard Pte. Ltd. Internet.



Shahih Bukhary. 1981. Surabaya: Penerbit Toko *Kitab Al-Asriyah*.
Syed Muhammad Naquib Al-Attas. 1980. *The concept of education in Islam*.
Kuala Lumpur: ABIM

Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia



